

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II

SESI 2017/2018

NAMA KURSUS : PEDAGOGI
KOD KURSUS : BBD 10302
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN/JULAI 2018
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN

1. JAWAB SEMUA SOALAN
2. KERTAS SOALAN INI HENDAKLAH DIKEMBALIKAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA BELAS (13)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

UTM
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
JALAN TUN HUSSEIN ONN
80100 SKUDAI, JOHORE BAHRU
Johor Darul Makmur, Malaysia
TEL: 07-5566000
FAX: 07-5566001
WWW.UTHM.MY

BAHAGIAN A

S1 Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran ?

- A. Pembelajaran merupakan satu siri aktiviti yang bercorak saintifik.
- B. Pembelajaran merupakan suatu bidang seni kerana ia melibatkan emosi dan nilai manusia.
- C. Pengertian pembelajaran ialah perubahan tingkah laku yang dihasilkan daripada pengalaman.
- D. Pembelajaran ialah sesuatu percubaan untuk mengembangkan satu teori yang khas tentang pembelajaran orang dewasa.

S2 Berikut merupakan pengertian pengajaran kecuali;

- A. penyediaan peluang yang membolehkan pelajar belajar.
- B. perubahan dalam tingkah laku yang dihasilkan daripada pengalaman
- C. proses menyampaikan maklumat dan memberi pengalaman yang akan mengubah tingkah laku pelajar.
- D. proses memberi peluang kepada pelajar mendapatkan pengalaman dan meningkatkan kefahaman dan perubahan secara kekal.

S3 Pilih jawapan yang betul untuk pengertian pembelajaran:

- A. Proses individu mengambil inisiatif dengan atau tanpa bantuan orang lain.
- B. Pendidikan di susun dan dilembagakan secara berperingkat mengikut umur.
- C. Individu memperoleh pengetahuan dan kemahiran daripada pengalaman dengan alam sekitar.
- D. Proses dalaman yang dialami oleh pelajar melalui pengalaman pengetahuan dan kemahiran yang diberikan dan membawa perubahan kognitif dan tingkah laku pelajar secara kekal.

S4 Kemahiran ini merupakan suatu kemahiran yang amat kompleks. Sekiranya kemahiran ini digunakan dengan berkesan, tahap prestasi pelajar akan meningkat dan proses pengajaran dan pembelajaran akan bertambah aktif dan lebih memberangsangkan. Apakah bentuk kemahiran yang dinyatakan?

- A. Kemahiran menyoal
- B. Kemahiran pengukuhan
- C. Kemahiran variasi rangsangan
- D. Kemahiran menilai hasil pembelajaran

TERBUKA

- S5** Antara berikut merupakan aktiviti penting dalam ujian kefahaman kecuali;
- A. Ujian Interpretasi
 - B. Ujian Intrapolasi
 - C. Ujian Ekstrapolasi
 - D. Ujian Penterjemahan
- S6** Dalam Model Pengajaran SIM terdapat 5 komponen penting di tekankan oleh SIM iaitu objektif pengajaran, Murid, Isi pelajaran, guru dan X. Apakah dimaksudkan dengan X.
- A. Silibus
 - B. Persekitaran
 - C. Cara mengajar
 - D. Budaya belajar
- S7** Antara berikut kenyataan yang mana benar mengenai model SIM?
- A. Gabungan beberapa bahagian yang saling berinteraksi di antara satu sama lain.
 - B. Pelajar menggunakan keperluan ingin tahu mereka untuk meneroka sesuatu bidang ilmu.
 - C. Dibentuk dengan tepat melalui penyusunan bahan-bahan pengajaran dalam sistem yang sesuai.
 - D. Persekitaran sebagai keadaan dan organisasi tempat belajar termasuk aspek kedudukan sosioekonomi dan budaya pelajar yang diajar.
- S8** Berdasarkan Taksonomi Bloom pengajaran terbahagi kepada tiga domain berikut. Nyatakan tiga domain tersebut.
- A. Elektif, Rohani, Psikomotor
 - B. Kognitif, Afektif, Psikomotor
 - C. Elektif, Kognitif, Psikomotor
 - D. Rohani, Psikomotor, Kognitif
- S9** Nyatakan jenis pembelajaran yang boleh digunakan oleh pelajar dan guru
- A. Pembelajaran deduktif
 - B. Pembelajaran tidak formal
 - C. Pembelajaran berasaskan internet
 - D. Pembelajaran secara berkumpulan

TERBUKA

- S10** Pelbagai jenis teknik pengajaran yang telah digunakan kecuali;
- A. kaedah projek
 - B. kaedah syarahan
 - C. kaedah interaktif
 - D. kaedah melukis
- S11** Kaedah simulasi merupakan salah satu kaedah pengajaran di dalam sesebuah kelas. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah simulasi?
- A. Kaedah di mana pelajar menjalankan sesuatu uji kaji atau kegiatan di dalam situasi yang sebenar dan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu hasil.
 - B. Merupakan suatu jenis aktiviti sokongan yang membolehkan pelajar memerhati apa yang hendak dipelajari di dalam buku seperti situasi yang sebenar.
 - C. Sesuatu situasi yang diwujudkan supaya menyerupai keadaan sebenarnya tetapi dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dkecilkan supaya masalah atau isu yang berkaitan lebih mudah diselesaikan.
 - D. Melibatkan sekumpulan pelajar yang berusaha bersama ke arah mencapai prestasi yang baik, sama ada dalam bidang akademik atau bidang kokurikulum.
- S12** Di antara perkara-perkara berikut, yang manakah bukan perkara di bawah komponen penilaian?
- A. Pengubahsuaian
 - B. Penilaian pencapaian
 - C. Objektif pengajaran
 - D. Penganalisan maklum balas
- S13** Aras kemahiran soalan boleh dikelaskan kepada enam peringkat seperti yang dinyatakan oleh Bloom dalam bukunya 'Taxonomy of education objectives'. Antara yang berikut, yang manakah bukan aras soalan yang terkandung dalam bukunya?
- A. Sintesis
 - B. Analisis
 - C. Kefahaman
 - D. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

TERBUKA

“Pendekatan induktif dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh dan bergerak ke hadapan kepada satu generalisasi”

- S14** Kenyataan di atas adalah pengertian pengajaran induktif menurut seorang tokoh , pilih tokoh yang benar yang telah menyatakan kenyataan seperti di atas?
- A. Gesner (1979)
 - B. Brian Seaton (1982)
 - C. RWK Paterson (1979)
 - D. John M. Kierzek dan Walker Gibson (1960)
- S15** Apakah yang dimaksudkan dengan penilaian?
- A. Proses mengingat & mengesan kembali fakta dalam teks
 - B. Proses keupayaan membentuk konsepsi & pendirian ke atas teks
 - C. Proses membuat kesimpulan ke atas teks dan gabungan pemahaman literal dengan pengetahuan sedia
 - D. Menggunakan bahan yang dipelajari dengan cara menggunakan dengan tepat penerangan pengajaran dalam konteks yang berbeza
- S16** Penilaian pengajaran adalah penting bagi guru kerana ia dapat membantu
- A mencapai objektif pengajaran pembelajaran
 - B mengesan tingkah laku bermasalah yang ditimbulkan oleh murid
 - C meningkatkan prestasi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran
 - D memberi maklum balas tentang penguasaan murid terhadap pengajaran
- S17** Kurikulum diwujudkan berlandaskan teori mengikut perubahan keperluan pendidikan negara. Antara berikut manakah pernyataan yang salah?
- A. Kurikulum rasmi
 - B. Kurikulum aktiviti
 - C. Kurikulum integrasi
 - D. Kurikulum koperasi sekolah



TERBUKA

- S18 Dalam kelas Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) seorang guru akan mengamalkan pengajaran individu apabila
- A kesuntukan masa untuk mengajar sesuatu topik
 - B dapat mengesan beberapa orang murid yang lemah
 - C terdapat kekurangan sumber pengajaran dan pembelajaran
 - D kurang keyakinan untuk menjalankan pengajaran berkumpulan
- S19 Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran koperatif dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran?
- A. Pelajar-pelajar belajar secara kerap dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam pembelajaran
 - B. Pelajar-pelajar belajar secara cepat dan pantas dengan apa yang disampaikan oleh tenaga pengajar iaitu guru
 - C. Pelajar-pelajar belajar secara individu dan menyelesaikan sesuatu masalah pembelajaran dengan sendirinya
 - D. Pelajar-pelajar belajar secara kerjasama, berinteraksi & saling bantu membantu dalam aktiviti pembelajaran
- S20 Rajah 1 menunjukkan salah satu contoh bahan bantu mengajar. Berdasarkan contoh yang diberikan di bawah yang manakah jenis bahan bantu mengajar ?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Tayangan Filem• Televisyen• Radio• Slide |
|---|

Rajah 1

- A. Pengalaman
 - B. Elektronik
 - C. Bahan Sebenar
 - D. Bukan Elektronik
- S21 Apakah yang dimaksudkan dengan *skimming*
- A. Membaca dan meningkatkan kefahaman
 - B. Membaca dan memahami erti dari suatu tulisan
 - C. Meningkatkan pemahaman dengan lebih berkesan
 - D. Proses membaca dengan cepat untuk mencari fakta

TERBUKA

- S22** Apakah maksud pengajaran berpusatkan bahan?
- A. Sesuai digunakan untuk mata pelajaran yang bergantung sepenuhnya kepada guru.
 - B. Pendidikan mengikut nature (secara semula jadi), pembelajaran melalui pengalaman dan pembelajaran melalui penemuan.
 - C. Melibatkan aktiviti mengumpul dan mentafsir maklumat-maklumat, kemudian membuat generalisasi atau kesimpulannya.
 - D. Pengajaran berpusatkan bahan ialah pengajaran yang lebih menumpukan kepada penggunaan bahan pembelajaran oleh pelajar.
- S23** Pernyataan yang manakah sesuai dijadikan sebagai penutup pelajaran?
- A. Guru berpesan agar murid akan membuat ulangkaji di rumah.
 - B. Guru menyuruh murid berhenti dan menulis kerana masa sudah habis.
 - C. Guru mengedarkan lembaran kerja kepada kumpulan sebagai aktiviti menulis.
 - D. Guru menimbulkan perasaan pencapaian di kalangan murid melalui pengukuhan.
- S24** Faedah yang diperolehi melalui pembelajaran di pusat sumber sekolah ialah
- A. menyediakan suasana belajar yang selesa.
 - B. mengurangkan beban guru dalam penyediaan pembelajaran.
 - C. menggalakkan murid memperoleh kemahiran membaiki dan menyusun bahan-bahan pengajaran pembelajaran.
 - D. membantu murid membentuk sikap bertanggungjawab, berdikari, bekerjasama dan bertolak ansur.
- S25** Berikut merupakan antara kemahiran pengajaran yang perlu ada bagi seorang guru kecuali;
- A. kemahiran membuka
 - B. kemahiran penutup
 - C. kemahiran menyoal
 - D. kemahiran interpersonal
- S26** Apakah kesan jika seorang guru tidak mempunyai bahan membantu mengajar dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran?
- A. Mengurangkan tenaga elektrik dan penggunaan kertas.
 - B. Pelajar tidak dapat menerima input yang lebih terperinci.
 - C. Mengurangkan daya kreativiti guru dalam menyediakan bahan
 - D. Kerja guru lebih ringan dan memudahkan guru supaya tidak membuang masa menyediakan bahan.

- S27** Perancangan pengajaran semester harus dibuat pada?
- A. Bila-bila masa.
 - B. Setahun awal
 - C. Ketika kuliah berjalan
 - D. Sebelum kuliah bermula
- S28** Apakah yang dimaksudkan dengan strategi pemusatan murid?
- A. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran.
 - B. Guru berperanan untuk meningkatkan kreativiti pelajar tanpa tindak balas daripada murid.
 - C. Murid berusaha memahami sesuatu proses pembelajaran tanpa bantuan guru.
 - D. Murid memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka dengan bimbingan daripada guru.
- S29** Kenyataan yang manakah bukan merupakan tujuan penggunaan kaedah penyelesaian masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A. Memupuk semangat berdikari dan kompetitif
 - B. Melatih murid berfikir secara kritis dan kreatif
 - C. Memberi pengalaman kepada murid menyelesaikan masalah
 - D. Memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran asas
- S30** Berikut merupakan kemahiran manipulatif kecuali;
- A. pembersihan peralatan sains dengan cara yang betul
 - B. menyimpan peralatan sains dan bahan dengan betul dan selamat
 - C. penggunaan dan pengendalian peralatan dan bahan sains dengan betul.
 - D. meninggalkan peralatan sains yang telah digunakan tanpa dibersihkan terlebih dahulu.
- S31** Puan Hiromi ialah guru subjek sains sedang menyediakan suatu rancangan pengajaran. Manakah strategi pengajaran yang sesuai dipilih oleh Pn. Hiromi?
- I. Strategi yang mewujudkan motivasi.
 - II. Strategi yang menggalakkan pemindahan pembelajaran.
 - III. Strategi yang hanya menekankan pada pemikiran konvergen.
 - IV. Strategi yang menggalakkan pemikiran divergen, kritis dan kreatif.

TERBUKA

- A I, II dan III sahaja
- B I dan II sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

S32 Antara berikut, manakah ciri-ciri yang tepat menentukan Jadual Penentu Pengajaran (JPP) ?

- I. JPP digunakan untuk menguji kemahiran kanak-kanak.
- II. JPP menentukan tajuk yang akan diajar dan diuji.
- III. JPP menyenaraikan aras yang diuji sama ada pengetahuan, kefahaman, aplikasi, sintesis atau penilaian.
- IV. JPP akan memastikan sama ada unit-unit pembelajaran boleh dikuasai baik oleh pelajar.

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II,III dan IV
- D I, III dan IV

S33 Ciri-ciri Profesionalisme seorang guru dalam perkhidmatan keguruan ialah :

- I. Utamakan perkhidmatan
- II. Latihan dan pendidikan guru
- III. Autonomi dalam pengajaran
- IV. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

- A. I
- B. I dan II
- C. I, II dan IV
- D. I, II dan III

S34 Susunkan langkah-langkah dalam kaedah menyelesaikan masalah dengan mengikut turutan yang betul

- I. Membuat hipotesis berkaitan masalah
- II. Maklumat berkaitan masalah dikenal
- III. Mengenal pasti masalah terlebih dahulu
- IV. Menguji segala hipotesis dan rumusan masalah pasti

- A. IV,II,III dan I
- B. I,IV,II dan III
- C. I,II,III dan IV
- D. III,II,I dan IV

TERBUKA

- S35** Sebelum pelajar kita dapat berdikari, mereka mungkin perlu diajar cara belajar yang betul. Terangkan peranan guru di dalam mengajar pelajar cara belajar.
- I. peranan seorang guru adalah untuk menilai secara formatif dan sumatif.
 - II. mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap kaedah pembelajaran
 - III. menyesuaikan gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran murid.
 - IV. menentukan objektif pembelajaran yang disasarkan serta memilih bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan murid
- A. I dan II
B. II,III dan IV
C. II,III dan IV
D. I,II,III dan IV
- S36** Sebagai seorang guru, bagaimanakah anda boleh membantu dalam membina kemahiran mengingat pada pelajar anda?
- I. Tidak mengendahkan para pelajar semasa sesi pembelajaran
 - II. Melakar grafik dan ilustrasi – peta, graf dan peta minda
 - III. Membuat rantaian atau berlawan contoh: piring - cawan
 - IV. Mengingat secara kumpulan – terutama nombor – contoh: nombor telefon: 547 88
- A. I dan II
B. I,II dan III
C. III dan V
D. II, III dan IV
- S37** Di antara berikut, pilih ciri-ciri guru relatif
- I. Memantau amalan dan hasil dari proses pengajarannya
 - II. Membuat rancangan mengajar dan terus bersedia
 - III. Beranggapan semua murid boleh menerima segala bentuk proses pengajaran
 - IV. Memantau, memerhati dan mengumpul data berkaitan dengan hasrat, tindakan dan perasaan pelajar.
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

S38 Dalam pembelajaran koperatif pelajar-pelajar berinteraksi & saling bantu membantu dalam aktiviti pembelajaran dengan tujuan mencapai kemajuan & prestasi yang cemerlang. Apakah ciri-ciri pembelajaran koperatif?

- I. Pelajar-pelajar dilatih dengan akauntabiliti diri & tanggungjawab berkongsi.
- II. Kemahiran interaksi sosial dapat dipupuk dalam pembelajaran koperatif.
- III. Memberi peluang kepada pelajar mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dengan cara tersendiri.
- IV. Kesedaran bahawa pembelajaran ini adalah kunci pencapaian yang lebih baik daripada pembelajaran diri sendiri.

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV
- C. I,III dan IV
- D. I,II,III dan IV

S39 Pilih kenyataan yang benar mengenai pengajaran berpusatkan pelajar.

- I. Wujudnya komunikasi dan interaksi antara guru dan pelajar secara dua hala.
- II. Amalan demokratik wujud di mana pelajar digalakkan memberi pandangan ketika melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan.
- III. Melibatkan penglibatan secara aktif pelajar di dalam pembelajaran di mana guru hanya sebagai pembimbing ketika menjalankan aktiviti.
- IV. Penilaian formatif selalu digunakan untuk mengenal pasti kelemahan pelajar dalam sesuatu tajuk.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I,II dan III sahaja
- D. I,II,III dan IV

S40 Berikut merupakan kaedah pengajaran yang dijalankan, kecuali :

- I. Kaedah simulasi
- II. Kaedah syarahan/kuliah
- III. Kaedah perbincangan
- IV. Kaedah pembelajaran sendiri

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. III dan IV
- D. IV sahaja

TERBUKA

BAHAGIAN B

- S41** (a) Nyatakan maksud Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM)? (3 markah)
- (b) Terangkan langkah-langkah PBM ini dilaksanakan dalam kelas. (7 markah)
- (c) Dengan berbantuan contoh, huraikan bagaimanakah pembelajaran PBM ini dapat meningkatkan motivasi belajar di kalangan pelajar? (10 markah)
- S42** Kajian tindakan merupakan aspek penting yang dilakukan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dalam kelas.
- (a) Terangkan maksud tersebut dengan contoh yang bersesuaian
 (i) kajian tindakan
 (ii) jurnal refleksi (2 markah)
- (b) Huraikan gaya pembelajaran yang dikenali sebagai *Solomon's Inventory* yang mempunyai empat dimensi. (8 markah)
- (c) Dengan berbantuan contoh, huraikan kaedah membuat jurnal refleksi selepas melakukan sesuatu pengajaran?

Contoh: Mata pelajaran Reka bentuk Industri

Pelajar tidak terlibat dengan aktif dengan aktiviti, tetapi banyak bertanya atas bahan pembelajarannya.

	Apa yang saya lakukan	Apakah yang saya pelajari	Bagaimana saya boleh mengaplikasikannya
Kelas A			
Kelas B			
Kelas C			

(10 markah)



S43 Persediaan perancangan pengajaran yang terancang mampu meningkatkan keyakinan guru dalam penyampaian di dalam kelas.

- (a) Nyatakan maksud perancangan pengajaran (2 markah)
- (b) Dengan berbantuan contoh yang sesuai, huraikan aktiviti-aktiviti penyampaian mengikut Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Contoh: Teknologi Pemesinan Am/Teknologi Binaan Bangunan /Teknologi Makanan/Teknologi Teknologi Kimpalan/Teknologi Elektrik/Teknologi Komputer/Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara.

Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3
Pra Pengajaran			
Set Induksi			
Objektif Pembelajaran			
Isi kandungan			
ABBM			
Nilai-nilai Murni			
Penyoalan			
Pengukuhan			
Kemahiran Penutup			

(18 markah)

-SOALAN TAMAT-

